

'PERPADUAN TETAP DIPELIHARA'

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

NEW YORK, Rabu — Kebangkitan semula Islam dan penyerapan nilai-nilai Islam di Malaysia tidak akan menimbulkan huru-hara atau mewujudkan keadaan tidak stabil di dalam negeri, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, penyerapan nilai-nilai Islam bertujuan meningkatkan nilai-nilai kerohanian Islam supaya dapat disebarkan dengan perkembangan pembangunan kebendaan.

Perdana Menteri memberi jaminan ini ketika berdialog dengan para pembuat polist, ahli profesional, usahawan,

banker dan tokoh-tokoh terkemuka Amerika Syarikat dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Asia dan majlis bagi hubungan luar di sini kelmarin.

Bercakap kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya di sini petang kelmarin, Perdana Menteri menjelaskan, beliau juga memberitahu tokoh-tokoh Amerika itu bahawa langkah Kerajaan Malaysia bertujuan menekankan nilai-nilai kerohanian yang baik kepada rakyatnya.

"Tokoh-tokoh Amerika ini membangkitkan persoalan itu kerana mereka beranggapan penekanan Islam akan menetuskan perpecahan seperti revolusi dan sebagainya.

"Mereka juga menimbulkan persoalan orang Melayu dan Cina akan bergaduh kerana orang

Melayu terlalu menumpu kepada Islam dan orang Cina ke Negeri Cina.

"Semua ini saya jelaskan bahawa perpecahan seperti itu tidak akan berlaku kerana terdapat juga orang Cina yang beragama Islam di Malaysia," jelas beliau.

Lawat PBB

Dalam majlis itu juga Perdana Menteri ditanya mengenai dasar Malaysia memandang ke timur.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu dijelaskan seperti yang telah beberapa kali diucapkan di Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengadakan kunjungan hormat kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Beratu (PBB), Encik Javier Perez de Cuellar di pejabatnya di Bangunan PBB.

Dalam pertemuan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan mengenai pendapat yang berbeza

beza di kalangan negara ASEAN mengenai masalah Kampuchea.

"Saya jelaskan kepada beliau bahawa pada akhirnya nampak negara-negara ASEAN mempunyai pendapat yang berbeza tetapi keadaan sebenarnya Asean mempunyai pendekatan yang sama dalam soal ini," jelasnya.

Selain isu Kampuchea, kedua-dua pemimpin itu juga berbincang perkara-perkara semasa seperti masalah di Afghanistan, Lebanon dan juga persoalan Namibia.

Katanya, Malaysia bersetuju dengan permintaan PBB supaya menghantar tenteranya ke Namibia menganggotai pasukan petugas PBB di sana.

"Bagaimana pun setakat ini butir-butir lanjut termasuk tarikh pemergian dan ketelagapan dan sebagainya belum lagi mendapat kata putus," ujar beliau.

PBB sebelum ini meminta Malaysia menghantar tenteranya sebanyak 700 orang ke Namibia bagi mengawasi keamanan di negara itu yang sekarang ini dalam proses mencapai kemerdekaan.

Peranan

Menurut Perdana Menteri lagi, penghantaran tentera tersebut menimbulkan sedikit masalah kerana ada kaitannya dengan permintaan Amerika Syarikat supaya ditundukkan tentera Cuba dari Angola.

Menyentuh peranan PBB sekarang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, Setiausaha Agung PBB sepakat dengan beliau bahawa peranan PBB kini menjadi lebih penting kerana keengganan kuasa-kuasa besar menggunakan badan dunia itu menyelesaikan berbagai masalah dunia.